



KEMENTERIAN KEWANGAN

PELAN PENGURUSAN RISIKO PERBENDAHARAAN MALAYSIA 2023 - 2025






PELAN PENGURUSAN RISIKO

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

2023 - 2025





KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN	v
PERUTUSAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN (PENGURUSAN)	vi
MAKLUMAT KORPORAT	1
LATAR BELAKANG PERBENDAHARAAN MALAYSIA	2
HALA TUJU STRATEGIK	4
TERAS STRATEGIK PERBENDAHARAAN	5
PEMEGANG TARUH (<i>STAKEHOLDERS</i>) DAN PELANGGAN	6
PENGURUSAN RISIKO	7
PENGENALAN	8
PUNCA KUASA	9
RISIKO DAN PENGURUSAN RISIKO MENGIKUT KONTEKS PERBENDAHARAAN MALAYSIA	10
KOMPONEN PENGURUSAN RISIKO	10
JENIS RISIKO	11
MODEL PENGURUSAN RISIKO	12
HAD PENERIMAAN RISIKO	18
STRUKTUR TADBIR URUS	19
INSIDEN RISIKO PERBENDAHARAAN MALAYSIA	23
JADUAL PENILAIAN RISIKO	33
STRATEGI KAWALAN RISIKO	65
PENUTUP	107



PERUTUSAN



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN

***Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.***

Pengurusan Risiko merupakan salah satu elemen penting dalam pengurusan sesebuah organisasi. Lantaran itu, Perbendaharaan Malaysia telah merangka Pelan Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia 2023-2025 bagi menguruskan risiko secara teratur, cekap dan berkesan. Ia juga bertujuan bagi memastikan risiko yang timbul daripada persekitaran dalaman atau luaran sentiasa diambil kira dalam melaksanakan tugas sekaligus dapat memastikan Visi dan Misi Perbendaharaan Malaysia dapat dicapai.

Perbendaharaan Malaysia terus komited untuk melaksanakan pembudayaan pengurusan risiko melalui kawalan dalaman yang cekap dan efektif dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan bagi mengurus risiko yang boleh menjejaskan penyampaian perkhidmatan Perbendaharaan Malaysia. Adalah diharap dengan wujudnya pelan ini, Perbendaharaan Malaysia akan dapat memastikan tindakan pencegahan atau mitigasi yang diambil berupaya untuk meminimalkan risiko berkaitan.

Sehubungan itu, saya berharap agar semua warga Perbendaharaan Malaysia dapat memastikan Pelan Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia 2023-2025 ini dihayati dan menjadi panduan serta rujukan menyeluruh dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Perbendaharaan Malaysia yang berkesan.



DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN (PENGURUSAN) / *CHIEF RISK OFFICER (CRiO)*

***Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.***

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, Perbendaharaan Malaysia berjaya menerbitkan Pelan Pengurusan Risiko bagi tahun 2023-2025. Pelan Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia ini dibangunkan berteraskan kepada Pelan Strategik Perbendaharaan Malaysia 2021-2025 dengan mengambilkira jangkaan insiden risiko yang boleh menjejaskan perkhidmatan teras Perbendaharaan.

Selaras dengan itu adalah menjadi keutamaan Perbendaharaan Malaysia untuk memastikan penambahbaikan terhadap pelan pengurusan risiko agar mengikut perubahan dan keperluan semasa bagi memastikan pelan pengurusan risiko yang lebih menyeluruh dapat dirangka. Ini bagi memastikan Perbendaharaan Malaysia dapat menguruskan risiko secara teratur, cekap dan berkesan sekaligus memastikan perkhidmatan yang berkesan.

Justeru, saya menzahirkan harapan yang tinggi agar Pelan Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia 2023-2025 ini dapat mencapai matlamatnya dan dapat memberi manfaat kepada semua warga Perbendaharaan Malaysia.



RAMZI BIN MANSOR

**Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)
merangkap *Chief Risk Officer (CRiO)***



MAKLUMAT KORPORAT

LATAR BELAKANG PERBENDAHARAAN MALAYSIA

Perbendaharaan Malaysia telah ditubuhkan pada 1 Januari 1952 hasil gabungan antara Cawangan Kewangan dan Ekonomi dengan Sekretariat Persekutuan dan Jabatan Akauntan Negara melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 15 tahun 1951 bertarikh 27 Disember 1951. Melalui pekeliling tersebut, Perbendaharaan Malaysia telah dipertanggungjawabkan dalam mengawal selia dan mengurus kutipan hasil serta perbelanjaan Kerajaan Persekutuan.

Pada awal penubuhannya, Perbendaharaan Malaysia hanya mempunyai lima (5) Bahagian iaitu Perakaunan, Ekonomi, Pembangunan Organisasi, Kewangan dan Bekalan serta Perdagangan. Kini, terdapat 22 Bahagian di Perbendaharaan Malaysia termasuk dua (2) cawangan di Malaysia Timur iaitu Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak yang ditubuhkan pada tahun 1968 dan berfungsi sebagai Perbendaharaan Kecil Persekutuan di negeri berkenaan.

Selaku agensi pusat, Perbendaharaan Malaysia bertanggungjawab secara langsung ke atas pengurusan fiskal dan kewangan negara. Dasar dan strategi yang digubal serta dilaksanakan oleh Perbendaharaan Malaysia adalah merupakan satu mekanisme yang berkesan bagi memacu dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Perbendaharaan Malaysia juga telah memainkan peranan penting dalam menggubal dan menetapkan dasar pengurusan kewangan negara secara keseluruhannya bagi memastikan kestabilan dan kemakmuran ekonomi negara dapat dicapai bagi meningkatkan keyakinan pelaburan sektor swasta.

Sepanjang 71 tahun penubuhannya, Perbendaharaan Malaysia telah berusaha memberikan perkhidmatan cemerlang terhadap pertumbuhan ekonomi negara, terutama selepas Malaysia mencapai kemerdekaan.



Malaysia telah merekodkan prestasi memberangsangkan dengan mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 8.7% untuk tahun 2022. Walaupun ketidakpastian landskap global semakin meningkat, namun ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan di mana KDNK pada tahun 2023 berkembang sebanyak 3.7% dan diunjur berkembang 4.0% - 5.0% pada tahun 2024.

Perubahan landskap ekonomi global dan domestik telah mempengaruhi Perbendaharaan Malaysia dalam memainkan peranan sebagai peneraju dasar dan pengurusan fiskal serta kewangan awam. Kini, cabaran baharu kepada Perbendaharaan Malaysia menjadi semakin kompleks dan rumit terutamanya dalam menangani cabaran pada peringkat global dan domestik berikutan kesan buruk pandemik COVID-19. Ini telah menjadikan tugas Perbendaharaan Malaysia semakin mencabar berbanding tujuan asal penubuhannya pada tahun 1952.



HALA TUJU STRATEGIK

Perbendaharaan
Malaysia sebagai
peneraju dasar dan
pengurusan fiskal serta
keuangan awam

VISI



KEMENTERIAN KEWANGAN

- Mengurus dasar fiskal secara berhemat dan berkesan bagi memastikan kemampunan fiskal Kerajaan untuk jangka masa sederhana dan panjang
- Mengurus kewangan awam dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif untuk mencapai matlamat pembangunan negara

MISI

OBJEKTIF

- Memperkukuh kedudukan fiskal dalam jangka masa sederhana dan panjang
- Memperkasa pengurusan kewangan awam
- Memastikan keberhasilan inisiatif dan program sektor awam mencapai sasaran

TERAS STRATEGIK PERBENDAHARAAN

1

Mengukuhkan Pengurusan Fiskal bagi Merencanakan Ekonomi, Melindungi Kesejahteraan Rakyat dan Menyokong Aktiviti Perniagaan

2

Memantapkan Pelaburan Syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan), Penyediaan Pembiayaan Kerajaan, Pengawalseliaan Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Aset Alih Kerajaan bagi Memacu Pertumbuhan Pembangunan Negara yang Mampan

3


Memantapkan Pengurusan Kewangan ke arah Meningkatkan Kecekapan dan Ketelusan Pengurusan Kewangan Awam

4

Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan Kewangan, Tadbir Urus dan Korporat Bagi Mencapai Kecemerlangan Organisasi

PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) DAN PELANGGAN

Rajah 1: Hubungan antara Perbendaharaan Malaysia dengan Stakeholders dan Pelanggan





PENGURUSAN RISIKO

PENGENALAN

Pengurusan risiko adalah proses pengurusan risiko secara berstruktur terhadap sebarang kemungkinan risiko yang boleh memberi impak kepada organisasi. Matlamat utama pengurusan risiko adalah untuk menguruskan risiko secara teratur, cekap dan berkesan bagi memastikan organisasi dapat berfungsi dan mencapai Visi dan Misi yang telah ditetapkan dan memastikan penyampaian perkhidmatan secara keseluruhan-nya tidak terjejas.

Pengurusan risiko juga bertujuan untuk mengenal pasti halangan yang berpotensi sebelum ia berlaku supaya aktiviti kawalan risiko boleh dirancang dan digunakan mengikut keperluan untuk mengurangkan kesan negatif terhadap pencapaian objektif.

Bagi mewujudkan pelan risiko yang lengkap dan sempurna, Perbendaharaan Malaysia telah

melaksanakan proses penganalisaan risiko menggunakan model pengurusan risiko secara sistematik dan tersusun. Penganalisaan yang teliti menjamin insiden-insiden risiko berdasarkan perkhidmatan teras Perbendaharaan Malaysia dapat dikenal pasti.

Ini membolehkan Perbendaharaan Malaysia melaksanakan strategi kawalan risiko yang bersesuaian bagi setiap insiden risiko. Keberkesanan Pelan Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia boleh diterjemahkan melalui kesiapsiagaan Perbendaharaan Malaysia dalam menangani sebarang krisis, permasalahan atau isu melalui tindakan pencegahan dan mitigasi yang dikenal pasti bagi menangani setiap insiden risiko Perbendaharaan Malaysia.



PUNCA KUASA

SURAT KETUA SETIAUSAHA NEGARA 2007

- Memastikan wujudnya proses dan amalan pengurusan risiko
- Memastikan pihak pengurusan turut terlibat secara aktif dalam pengurusan risiko agensi
- Menganalisis dan membuat penyemakan yang berterusan terhadap pendekatan pengurusan risiko

ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO.1 TAHUN 2009

- Kementerian, jabatan dan agensi hendaklah mengamalkan teknik-teknik pengurusan risiko sebelum melaksanakan sesuatu projek atau program terutamanya yang berisiko tinggi untuk meminimalkan risiko semasa pelaksanaannya

ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO. 1 TAHUN 2014

- Mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi
- Merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah dan kelemahan-kelemahan

**GARIS PANDUAN
BAGI
MEMPERTINGKATKAN
TADBIR URUS DALAM
SEKTOR AWAM
9 MAC 2007**

**PENUBUHAN
JAWATANKUASA
KEUTUHAN
TADBIR URUS
20 NOVEMBER 2009**

**PENUBUHAN
JAWATANKUASA
INTEGRITI DAN
TADBIR URUS
3 JUN 2014**

RISIKO DAN PENGURUSAN RISIKO MENGIKUT KONTEKS PERBENDAHARAAN MALAYSIA

DEFINISI RISIKO

Risiko adalah suatu halangan yang memberi kesan kepada pencapaian matlamat Perbendaharaan Malaysia sebagai peneraju dasar dan pengurusan fiskal serta tadbir urus kewangan awam.


DEFINISI PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko meliputi rangka kerja dan proses kawalan dalaman yang berstruktur bagi mengurus sebarang kemungkinan risiko yang boleh menjejaskan penyampaian perkhidmatan Perbendaharaan Malaysia.

KOMPONEN PENGURUSAN RISIKO

Komponen pengurusan risiko Perbendaharaan Malaysia adalah seperti berikut:

Rajah 2: Komponen Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia



JENIS RISIKO

RISIKO STRATEGIK (RS)

Risiko Strategik adalah tindakan/ peristiwa yang memberi kesan kepada pencapaian hala tuju atau objektif Perbendaharaan Malaysia disebabkan oleh perubahan dasar, kepimpinan organisasi, persekitaran, sosio-ekonomi dan politik yang melibatkan *core business* Perbendaharaan Malaysia. Oleh yang demikian, risiko peringkat ini memerlukan perhatian yang mendalam daripada Pengurusan Tertinggi Perbendaharaan Malaysia bagi memastikan strategi kawalan risiko dilaksanakan dengan berkesan.

RISIKO OPERASI (RO)

Risiko Operasi adalah kebarangkalian berlaku perkara-perkara operasi yang menyebabkan kerosakan (*damage*) yang diakibatkan dari kelemahan proses kerja, sistem teknologi maklumat, sistem kawalan dan sokongan dalam operasi atau aktiviti harian Perbendaharaan Malaysia.



MODEL PENGURUSAN RISIKO

Model pengurusan risiko yang diaplikasi dalam menganalisis risiko di Perbendaharaan Malaysia adalah seperti berikut:

Rajah 3: Komponen Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia



PROSES PENGURUSAN RISIKO

Bagi tujuan pengurusan risiko di Perbendaharaan Malaysia, lima (5) tindakan utama telah digunakan iaitu:

- i. Penetapan Konteks dan Kriteria;
- ii. Penilaian Risiko;
- iii. Penetapan Strategi Kawalan Risiko;
- iv. Pemantauan dan Pelaporan; dan
- v. Penambahbaikan dan Komunikasi.

a) Penetapan Konteks dan Kriteria

Penetapan konteks perlu bersasar dan berpandukan prinsip serta rangka kerja untuk memastikan tahap keberkesanan berfokus kepada Strategi, Program dan Aktiviti Utama. Bagi tujuan ini, beberapa radas pengurusan seperti SWOT dan PESTEL telah digunakan untuk menetapkan kriteria risiko.



b) Penilaian Risiko

Penilaian risiko adalah berdasarkan nilai kuantitatif atau kualitatif impak daripada kebarangkalian kejadian risiko. Ia ditentukan melalui tiga (3) proses berikut:

i. Mengenalpasti Risiko

Perbendaharaan Malaysia telah mengenalpasti potensi dan impak terhadap risiko yang berkemungkinan berlaku melalui empat (4) kategori risiko yang telah dikenalpasti seperti di **Jadual 1**.

Indeks impak seperti **Jadual 1** di bawah adalah sebagai rujukan Perbendaharaan Malaysia bagi menentukan tahap impak sesuatu insiden berdasarkan beberapa faktor yang dikenal pasti yang mempengaruhi kelancaran pelaksanaan program-program Perbendaharaan Malaysia.

Jadual 1: Indeks Impak

SKALA/ DIMENSI	SANGAT KECIL	KECIL	SEDERHANA	BESAR	SANGAT BESAR
	1	2	3	4	5
MANUSIA	Kesan terhadap kakitangan di peringkat Bahagian atau kepada orang perseorangan	Kesan terhadap kakitangan di peringkat Sektor atau terhadap kumpulan komuniti	Kesan terhadap kakitangan di peringkat Perbendaharaan Malaysia atau terhadap organisasi/ sebahagian kecil industri	Kesan terhadap sebahagian besar organisasi/ industri	Kesan terhadap organisasi/ industri di peringkat nasional
REPUTASI	Reputasi Bahagian terjejas di peringkat Jabatan	Reputasi Jabatan terjejas di peringkat Perbendaharaan Malaysia	Reputasi Perbendaharaan Malaysia terjejas di peringkat sektor awam	Reputasi Kerajaan terjejas di peringkat nasional dan integriti perancangan antara fiskal/ kewangan dipertikai	Reputasi negara terjejas dan hilang keyakinan pelabur
	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati orang perseorangan	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati kumpulan/ organisasi	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati orang awam/ komuniti	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati nasional	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati antarabangsa
KEWANGAN	Implikasi kewangan kepada Bahagian	Implikasi kewangan kepada Sektor	Implikasi kewangan kepada Perbendaharaan Malaysia	Implikasi kewangan kepada Perbendaharaan Malaysia	Implikasi kewangan kepada Negara
OPERASI	Perkhidmatan yang ditawarkan lewat tetapi masih boleh disempurnakan (1 – 2 hari daripada piagam pelanggan/ arahan)	Perkhidmatan yang ditawarkan lewat tetapi masih boleh disempurnakan (3 – 7 hari daripada piagam pelanggan/ arahan)	Perkhidmatan yang ditawarkan lewat tetapi masih boleh disempurnakan (>7 hari daripada piagam pelanggan/ arahan)	Perkhidmatan yang ditawarkan lewat tetapi masih boleh disempurnakan (>14 hari daripada piagam pelanggan/ arahan)	Perkhidmatan tidak dapat disempurnakan

ii. **Menganalisis Risiko**

Analisis risiko yang telah dikenalpasti oleh Perbendaharaan Malaysia adalah dengan mengambilkira potensi kejadian atau kebarangkalian risiko berlaku berdasarkan **Jadual 2** di bawah.

Jadual 2: Indeks Kebarangkalian Risiko

SKALA PENARAFAN		KETERANGAN
5	HAMPIR PASTI	Sesuatu kejadian yang kerap/ hampir pasti berlaku – sekali dalam sebulan
4	KEMUNGKINAN PASTI	Sesuatu kejadian yang besar kemungkinan berlaku – sekali setiap 6 bulan
3	ADA KEMUNGKINAN	Sesuatu kejadian yang mungkin berlaku – sekali setahun
2	KEMUNGKINAN RENDAH	Sesuatu kejadian yang rendah kemungkinan berlaku – sekali dalam setiap 3 tahun
1	JARANG	Sesuatu kejadian yang jarang berlaku – sekali melebihi 3 tahun

iii. Mengkategorikan Risiko

Matriks kebarangkalian/ impak seperti di **Jadual 3** adalah asas dalam membuat keputusan yang melibatkan perbandingan hasil analisis risiko dengan kriteria risiko yang telah ditetapkan. Matriks ini penting bagi menentukan tahap risiko bagi membolehkan keputusan dibuat oleh Pengurusan Tertinggi sama ada sesuatu risiko boleh diterima atau tidak. Pengukuran risiko ini akan memberi gambaran terhadap tahap perincian pelan tindakan strategi kawalan risiko yang perlu diambil oleh Perbendaharaan Malaysia.

Jadual 3: Matriks Kebarangkalian/ Impak

		Impak					
		SANGAT KECIL	KECIL	SEDERHANA	BESAR	SANGAT BESAR	
		1	2	3	4	5	
Kebarangkalian	5	HAMPIR PASTI	5	10	15	20	25
	4	KEMUNGKINAN TINGGI	4	8	12	16	20
	3	ADA KEMUNGKINAN	3	6	9	12	15
	2	KEMUNGKINAN RENDAH	2	4	6	8	10
	1	JARANG	1	2	3	4	5

c) Penetapan Strategi Kawalan Risiko

Strategi kawalan risiko ditetapkan bagi mengurangkan kebarangkalian atau mencegah berlakunya sesuatu insiden risiko di Perbendaharaan Malaysia. Setiap insiden risiko perlu mempunyai tindakan pencegahan bagi mengelak daripada risiko tersebut berlaku dan tindakan mitigasi bagi mengurangkan atau menerima insiden risiko yang telah berlaku. Perbendaharaan Malaysia melaksanakan strategi kawalan risiko melalui pelaksanaan beberapa kaedah seperti mengelak, memindah, menerima dan mengurung risiko sedia ada.

i. Mengelak Risiko (*Avoid*)

Langkah pencegahan sebelum fasa pelaksanaan untuk mengelakkan implikasi berkaitan.

ii. Memindah Risiko (*Transfer*)

Risiko dipindahkan melalui peralihan kontrak daripada satu pihak ke pihak yang lain.

iii. Menerima Risiko (*Accept*)

Melaksanakan sesuatu perkara untuk mendapatkan hasil yang lebih besar berbanding impak / risiko yang telah dikenalpasti.

iv. Mengurung Risiko (*Reduce*)

Pelaksanaan aktiviti bersesuaian dalam mengurangkan kebarangkalian atau/ dan impak terhadap insiden risiko.

d) Pemantauan dan Pelaporan

Pemantauan strategi kawalan risiko dilaksanakan secara berterusan dan dibentangkan di Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko (JPPR) dan Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko (JIPR) bagi menilai keberkesanan tindakan pencegahan atau mitigasi bagi setiap insiden risiko.

e) Penambahbaikan dan Komunikasi

Penilaian risiko dan pelan tindakan kawalan risiko perlu dikaji semula secara berterusan bagi memastikan risiko Perbendaharaan Malaysia sentiasa dikemaskini sebelum, semasa dan selepas sesuatu risiko itu berlaku. Perbendaharaan Malaysia turut melaksanakan penambahbaikan dan semakan berterusan terhadap kaedah strategi kawalan risiko yang mungkin akan berubah (dinamik) dari masa ke masa.

Komunikasi dalam pengurusan risiko juga adalah penting bagi menghebahkan dan meningkatkan kesedaran dalam warga Perbendaharaan Malaysia mengenai Pelan Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia bagi memastikan pelaksanaan Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia berjalan lancar.

HAD PENERIMAAN RISIKO

Berdasarkan petunjuk tahap dan skala risiko dalam **Jadual 4** di bawah, Perbendaharaan Malaysia memutuskan had penerimaan risiko adalah pada tahap skala 1-7 iaitu risiko rendah sehingga sederhana (*Low* dan *Medium*). Manakala bagi risiko tinggi dan sangat tinggi (*High* dan *Extreme*) adalah 8 – 25.

Jadual 4: Petunjuk Tahap dan Skala Risiko

TAHAP RISIKO	SKALA TAHAP RISIKO	HAD PENERIMAAN RISIKO	PENERANGAN TAHAP RISIKO & TINDAKAN
SANGAT TINGGI	13-25	Risiko tidak boleh diterima	Risiko sangat tinggi, pelan tindakan terperinci diperlukan
TINGGI	8-12	Risiko boleh diterima	Risiko tinggi, diberi perhatian oleh pengurusan atasan Perbendaharaan
SEDERHANA	4-7	Risiko boleh diterima	Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan
RENDAH	1-3	Risiko boleh diterima	Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada

Berdasarkan Had Penerimaan Risiko tersebut, Perbendaharaan Malaysia telah bersetuju dengan ketetapan berikut:

- a) Insiden-insiden risiko dalam skala 1 hingga 12 adalah risiko yang boleh diterima dan akan diuruskan dengan menggunakan mekanisme sedia ada; dan
- b) Manakala skala 13 hingga 25 adalah tahap risiko yang tidak boleh diterima. Strategi kawalan yang sesuai akan dikenalpasti bagi insiden-insiden risiko tersebut.

STRUKTUR TADBIR URUS

Struktur tadbir urus pengurusan risiko Perbendaharaan Malaysia adalah seperti berikut:

Rajah 4: Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia



Peranan dan tanggungjawab setiap struktur tadbir urus Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia adalah seperti berikut:

(a) Jawatankuasa Induk

Keahlian Jawatankuasa Induk terdiri daripada Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) iaitu sebagai Pengerusi dan ahli-ahlinya terdiri daripada Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) dan semua Setiausaha Bahagian di Perbendaharaan Malaysia. Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Induk Risiko Perbendaharaan Malaysia ialah:

- i. Memantau pelaksanaan risiko Perbendaharaan Malaysia;
- ii. Menilai dan menyemak risiko dan strategi kawalan risiko yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pelaksana;
- iii. Memberi ulasan terhadap risiko dan strategi kawalan risiko yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pelaksana; dan
- iv. Menyemak dan meluluskan laporan risiko Perbendaharaan Malaysia sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

(b) Jawatankuasa Pelaksana

Keahlian Jawatankuasa Pelaksana terdiri daripada Setiausaha Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK) sebagai pengerusi dan ahli-ahlinya terdiri daripada semua Pegawai Risiko Bahagian di Perbendaharaan Malaysia. Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Pelaksana Risiko Perbendaharaan Malaysia ialah:

- i. Mengenal pasti dan mengklasifikasikan ancaman dan impak yang dihadapi oleh bahagian;
- ii. Memantau pengurusan risiko bahagian;
- iii. Mengetuai bahagian berkaitan dalam menangani dan mengawal risiko bahagian;
- iv. Mencadangkan penambahbaikan berkaitan pengurusan risiko Perbendaharaan Malaysia; dan
- v. Mencadangkan langkah-langkah pengawalan terhadap risiko.

Peranan dan tanggungjawab *Chief Risk Officer* (CRiO), *Risk Champion* dan *Risk Officers* Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia adalah seperti berikut:

CHIEF RISK OFFICER (CRiO)

- i. Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko (JIPR) Perbendaharaan Malaysia;
- ii. Memantau dan menyelia pengurusan risiko Perbendaharaan Malaysia; dan
- iii. Merancang hala tuju pengurusan risiko Perbendaharaan Malaysia.



RISK CHAMPION

- i. Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko (JPPR) Perbendaharaan Malaysia;
- ii. Meneliti semua laporan pengurusan risiko Bahagian/ Unit; dan
- iii. Mengesahkan dan meluluskan semua pengurusan risiko di peringkat JPPR untuk diangkat kepada JIPR.

RISK OFFICER

- i. Mengenal pasti risiko, ancaman dan impak yang dihadapi oleh setiap Bahagian/ Unit;
- ii. Membangun, mengemaskini dan memantau pengurusan risiko Bahagian/ Unit supaya sentiasa lengkap dan terkini;
- iii. Menilai, menganalisa, mengklasifikasi dan mengenal pasti impak risiko di setiap Bahagian/ Unit;
- iv. Mewakili dan mengetuai Bahagian/ Unit masing-masing dalam menangani dan mengawal risiko di peringkat Bahagian/ Unit;
- v. Mencadangkan kepada Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko (JPPR) bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan risiko Perbendaharaan Malaysia; dan
- vi. Melaporkan keputusan yang dibuat oleh JPPR kepada Bahagian/ Unit masing-masing.





INSIDEN RISIKO PERBENDAHARAAN MALAYSIA

INSIDEN RISIKO

Perbendaharaan Malaysia telah menjajarkan insiden-insiden risiko dengan Program dan Indikator di bawah Pelan Strategik Perbendaharaan Malaysia 2021-2025 (PSP). Ini bagi memastikan Pelan Pengurusan Risiko yang lebih menyeluruh dapat diwujudkan selari dengan Visi dan Misi Perbendaharaan Malaysia.

PSP memaparkan Visi dan Misi yang lebih jelas di samping menggariskan empat (4) Teras Strategik yang praktikal serta selaras dengan fungsi dan peranan Perbendaharaan Malaysia yang meliputi semua *core business* Perbendaharaan Malaysia. Sebanyak 23 Strategi dan 48 program telah dirangka dan dirancang untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2021-2025.

Berikutan penjajaran insiden risiko kepada PSP, sebanyak **33 insiden risiko** baharu telah dikenalpasti berdasarkan empat (4) Teras Strategik PSP di mana terdapat 10 Insiden Risiko di bawah Teras 1, tujuh (7) di bawah Teras 2, enam (6) di bawah Teras 3, lapan (8) di bawah Teras 4 dan 2 (dua) yang tidak dijaikan dengan Teras/ Program. Pelan Pengurusan Risiko Perbendaharaan Malaysia ini juga melibatkan **22 bahagian** daripada Perbendaharaan Malaysia termasuk BAMOF. Ringkasan insiden risiko mengikut teras adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5 : Ringkasan Insiden Risiko

Tahap Risiko	Skala Risiko	Teras 1	Teras 2	Teras 3	Teras 4	Tiada Teras	JUMLAH
SANGAT TINGGI	13-25	-	1	-	-	-	1
TINGGI	8-12	6	-	1	-	-	7
SEDERHANA	4-7	3	4	2	4	1	14
RENDAH	1-3	1	2	3	4	1	11
JUMLAH		10	7	6	8	2	33



INSIDEN RISIKO BERDASARKAN TERAS STRATEGIK

TERAS 1: MENGUKUHKAN PENGURUSAN FISKAL BAGI MERANCAKKAN EKONOMI, MELINDUNGI KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN MENYOKONG AKTIVITI PERNIAGAAN

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
1.	Kegagalan menepati sasaran pengurangan defisit fiskal secara berperingkat	RS	TINGGI	FED
2.	Kurang sokongan daripada pihak berkepentingan dan pelanggan dalam melaksanakan kajian dasar percukaian yang menyeluruh	RS	SEDERHANA	TAX
3.	Peningkatan pengecualian cukai dan duti	RS	SEDERHANA	TAX
4.	Kementerian/ Agensi tidak berbelanja mengikut perancangan	RS	SEDERHANA	NBO
5.	Implikasi kewangan tambahan yang timbul berikutan bencana/ wabak/ kemelesetan ekonomi	RS	TINGGI	NBO
6.	Peningkatan peratusan had hutang statutori berbanding KDNK	RS	TINGGI	FED
7.	Pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah daripada unjuran	RS	TINGGI	FED
8.	Ketidak tepatan maklumat permohonan bantuan	RS	TINGGI	STR
9.	Penurunan penarafan kredit negara	RS	TINGGI	FED
10.	Pendirian Malaysia tidak dapat disampaikan dalam mesyuarat antarabangsa	RO	RENDAH	INT

Nota:

RS : Risiko Strategik

RO : Risiko Operasi

TERAS 2: MEMANTAPKAN PELABURAN SYARIKAT MENTERI KEWANGAN (DIPERBADANKAN), PENYEDIAAN PEMBIAYAAN KERAJAAN, PENGAWALSELIAAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN BAGI MEMACU PERTUMBUHAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG MAMPAN

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
1.	Prestasi kewangan syarikat MKD yang lemah	RS	SEDERHANA	GIC
2.	Syarikat tidak berupaya melunaskan pembiayaan bayaran khidmat hutang (<i>debt service charges</i>) - termasuk prinsipal dan faedah/ kupon	RS	SANGAT TINGGI	GIC
3.	Penerima pembiayaan tidak mempunyai dana untuk membayar pinjaman	RS	SEDERHANA	SID
4.	Berlaku kemungkiran (<i>default</i>) ke atas pinjaman yang dijamin di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96] disebabkan prestasi kewangan merosot atau ketidakmampuan Pertubuhan Perbadanan untuk membuat bayaran prinsipal/ faedah/ kupon mengikut jadual bayaran yang menyebabkan projek Kerajaan lewat disiapkan	RS	SEDERHANA	SID

Nota:

RS : Risiko Strategik

RO : Risiko Operasi

TERAS 2: MEMANTAPKAN PELABURAN SYARIKAT MENTERI KEWANGAN (DIPERBADANKAN), PENYEDIAAN PEMBIAYAAN KERAJAAN, PENGAWALSELIAAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN BAGI MEMACU PERTUMBUHAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG MAMPAN

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
5.	Berlaku pinjaman tidak berbayar (<i>non-performing loan-NPL</i>) oleh Institusi Kewangan (Perbankan dan Bukan Perbankan) Bagi Skim Pembiayaan Perniagaan dan Skim Pembiayaan Perumahan (Skim-Skim) secara besar-besaran yang dijamin di bawah Seksyen 14 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] di bawah Skim-Skim yang disediakan melalui Institusi Kewangan	RS	SEDERHANA	SID
6.	BBP tidak mematuhi peraturan kewangan semasa dan tata kelola yang telah ditetapkan	RS	RENDAH	SBM
7.	Aset alih Kerajaan tidak didaftarkan ke dalam Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan seperti yang ditetapkan	RO	RENDAH	PAM

Nota:

RS : Risiko Strategik
RO : Risiko Operasi

TERAS 3: MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEWANGAN KE ARAH MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KETELUSAN PENGURUSAN KEWANGAN AWAM

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
1.	Gangguan ke atas pengoperasian sistem e-Perolehan	RO	RENDAH	BPK
2.	Ketidakseragaman pembuatan keputusan oleh Pihak Berkuasa Melulus (PBM) yang berbeza bagi tender-tender kerajaan persekutuan di Sabah bagi nilai sehingga RM30 juta	RO	SEDERHANA	PM SABAH
3.	Penurunan kuasa kepada LPP Sarawak tidak dimanfaatkan sepenuhnya	RO	SEDERHANA	PM SARAWAK
4.	Penangguhan prosiding rayuan cukai pendapatan daripada pihak-pihak berkaitan di saat akhir	RO	RENDAH	PKCP
5.	Penangguhan prosiding rayuan cukai kastam daripada pihak-pihak berkaitan di saat akhir	RO	RENDAH	TRK
6.	Pegawai audit kurang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam melaksanakan pengauditan selaras dengan standard pengauditan	RS	TINGGI	BKSK

Nota:

RS : Risiko Strategik
RO : Risiko Operasi

TERAS 4: MEMANTAPKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEWANGAN, TADBIR URUS DAN KORPORAT BAGI MENCAPAI KECEMERLANGAN ORGANISASI

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
1.	Punca aduan tidak dikenalpasti atau kurang jelas	RO	RENDAH	UKK
2.	Perubahan hala tuju dan aspirasi pihak pengurusan berdasarkan keputusan Kerajaan	RS	RENDAH	UI
3.	Syor-syor Audit lewat/ tidak diambil tindakan penambahbaikan dengan sewajarnya oleh pihak Auditi	RS	RENDAH	ADP
4.	Pasukan pembangunan aplikasi gagal untuk memahami keperluan sistem yang sebenar disebabkan penglibatan SME (<i>Subject Matter Expert</i>) yang tidak sepenuhnya atau SME sering bertukar	RO	SEDERHANA	BTM

Nota:

RS : Risiko Strategik

RO : Risiko Operasi

TERAS 4: MEMANTAPKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEWANGAN, TADBIR URUS DAN KORPORAT BAGI MENCAPAI KECEMERLANGAN ORGANISASI

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
5.	Dokumen yang dikemukakan oleh pegawai Agensi Pelaporan Kredit (APK) adalah tidak lengkap serta mengikut waktu dan masa yang ditetapkan oleh Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit (PPK)	RO	RENDAH	PPK
6.	Ketidaktepatan maklumat aset diperakaunkan di iGFMAS	RS	SEDERHANA	BAMOF
7.	Penggunaan Carta Akaun Akruan (CAA) yang tidak tepat semasa penyediaan dokumen kewangan seperti Pesanan Kerajaan, Arahan Pembayaran, Penyata Pemungut dan Baucar Jurnal	RS	SEDERHANA	BAMOF
8.	Pegawai tidak mempunyai kompetensi yang mencukupi dalam penyediaan analisis serta laporan berkaitan Perakaunan Pengurusan (SMART) di peringkat PTJ dan keseluruhan Kementerian	RO	SEDERHANA	BAMOF

Nota:

RS : Risiko Strategik
RO : Risiko Operasi


**INSIDEN RISIKO YANG TIDAK DIJAJARKAN DENGAN TERAS/
PROGRAM DI BAWAH PSP 2021-2025**

BIL.	INSIDEN RISIKO	KATEGORI RISIKO	TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
1.	Gangguan pengoperasian pusat data dan perkhidmatan ICT	RO	SEDERHANA	BTM
2.	Kebocoran maklumat rahsia rasmi	RO	RENDAH	BDSP

Nota:

RS : Risiko Strategik

RO : Risiko Operasi



JADUAL PENILAIAN RISIKO



TERAS STRATEGIK 1 - MENGUKUHKAN PENGURUSAN FISKAL BAGI MERANCAKKAN EKONOMI, MELINDUNGI KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN MENYOKONG AKTIVITI PERNIAGAAN

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN		IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
STRATEGI 1: PENGURUSAN FISKAL YANG CEKAP DAN EFISIEN													
1.1.1	Mengurangkan defisit fiskal secara berperingkat	Kegagalan menepati sasaran pengurangan defisit fiskal secara berperingkat	1. Gagal mematuhi sasaran yang ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 (FRA) 2. Meningkatkan hutang Kerajaan Persekutuan 3. Merencatkan kemampunan kewangan Kerajaan dalam jangka panjang	2	-	5	3	5	4.33	9	TINGGI		FED

STRATEGI 1: PENGURUSAN FISKAL YANG CEKAP DAN EFISIEN												
KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
			4. Menjejaskan reputasi Kerajaan berkaitan perancangan fiskal 5. Tindakan mahkamah boleh diambil ke atas penjawat awam termasuk anggota pentadbiran berdasarkan <i>Government Proceeding Act</i> 1956 [Act 359]									

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
STRATEGI 1: PENGURUSAN FISKAL YANG CEKAP DAN EFISIEN												
1.1.2	Kajian semula dan penambahbaikan dasar percukaian	Kurang sokongan daripada pihak berkepentingan dan pelanggan dalam melaksanakan kajian dasar percukaian yang menyeluruh	1. Kajian tidak dapat dilaksanakan 2. Hasil kutipan cukai dan aliran wang tunai Kerajaan terjejas disebabkan oleh dasar percukaian yang tidak efektif, menyeluruh dan merangkumi hanya sektor terpilih sahaja	2	1	3	1	5	2.50	5	SEDERHANA	TAX

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
STRATEGI 1: PENGURUSAN FISKAL YANG CEKAP DAN EFISIEN												
1.1.5	Pengurusan perbelanjaan berkesan	Implikasi kewangan tambahan yang timbul berikutan bencana/ wabak/ kemelesetan ekonomi	1. Tiada peruntukan untuk menangani kerosakan harta benda awam/ penyakit/ kejatuhan ekonomi 2. Perbelanjaan kementerian sedia ada terjejas bagi menangani bencana/ wabak/ kejatuhan ekonomi	4	4	1	-	4	3.00	12	TINGGI	NBO

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
STRATEGI 1: PENGURUSAN FISKAL YANG CEKAP DAN EFISIEN												
1.1.6	Memastikan kadar peratus hutang berkurang berbanding KDNK	Peningkatan peratusan had hutang statutori berbanding KDNK	1. Gagal mematuhi sasaran yang ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 (FRA) 2. Merencatkan kemampunan kewangan Kerajaan jangka panjang 3. Meningkatkan kadar pembiayaan sama ada oleh Kerajaan atau swasta	2	5	5	5	5	5.00	10	TINGGI	FED

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
STRATEGI 2: PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN												
1.2.1	Menilai prestasi ekonomi negara dalam jangka masa pendek dan sederhana	Pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah daripada unjuran	1. Menjejaskan kesejahteraan rakyat berikutan pengurangan pendapatan isi rumah (sekiranya berlaku peningkatan kadar pengangguran) 2. Keyakinan pasaran (sentimen perniagaan dan pengguna) akan merosot, seterusnya menyebabkan penurunan (<i>downgrade</i>) aras kredit penarafan berdaulat negara oleh badan penarafan antarabangsa	2	-	-	5	5	5.00	10	TINGGI	FED

TERAS STRATEGIK 2 - MEMANTAPKAN PELABURAN SYARIKAT MENTERI KEWANGAN (DIPERBADANKAN), PENYEDIAAN PEMBIAYAAN KERAJAAN, PENGAWALSELIAAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN BAGI MEMACU PERTUMBUHAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG MAMPAN

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN				IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
				(a) Manusia	(b) Reputasi	(c) Kewangan	(d) Operasi								
STRATEGI 1: MEMASTIKAN SYARIKAT MKD DAPAT MEMBERIKAN PULANGAN YANG TERBAIK KEPADA KERAJAAN KE ATAS PELABURAN YANG TELAH DILAKSANAKAN															
2.1.1	Pencapaian prestasi kewangan syarikat	Prestasi kewangan syarikat MKD yang lemah	Unjuran hasil Kerajaan terjejas disebabkan oleh pulangan dividen rendah daripada syarikat MKD	2	1	2	3	2	2.00	4	SEDERHANA	GIC			
2.1.2	Pencapaian prestasi kewangan syarikat	Syarikat tidak berupaya melunaskan pembiayaan bayaran khidmat hutang (debt service charges) - termasuk prinsipal dan faedah/ kupon	Pelunasan bayaran pembiayaan tidak mengikut jumlah dan jadual pembiayaan menyebabkan tercetusnya event of default sekaligus mengakibatkan cross default kepada semua hutang Kerajaan serta hutang yang dijamin oleh Kerajaan	3	-	5	-	5	5.00	15	SANGAT TINGGI	GIC			

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
STRATEGI 3: MEMANTAPKAN PENGURUSAN PINJAMAN KERAJAAN AGAR LEBIH CEKAP DAN BERKESAN												
2.3.1	Penyaluran pengurusan pinjaman kepada kumpulan sasar	Penerima pembiayaan tidak mempunyai dana untuk membayar pinjaman	Kutipan bayaran balik sebenar tahun tidak semasa mencapai sasaran yang ditetapkan	1	5	4	4	5	4.50	5	SEDERHANA	SID

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
STRATEGI 3: MEMANTAPKAN PENGURUSAN PINJAMAN KERAJAAN AGAR LEBIH CEKAP DAN BERKESAN												
2.3.2	Penyaluran pengurusan pinjaman kepada kumpulan sasar	Berlaku kemungkinan (<i>default</i>) ke atas pinjaman yang dijamin di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96] disebabkan prestasi kewangan merosot atau ketidak- mampuan Pertubuhan Perbadanan untuk membuat bayaran prinsipal/ faedah/ kupon mengikut jadual bayaran yang menyebabkan projek Kerajaan lewat disiapkan	1. Kerajaan perlu menyediakan peruntukan tambahan sama ada dalam bentuk geran/ pinjaman bagi membuat bayaran ke atas pinjaman yang dijamin 2. <i>Sovereign rating</i> menurun 3. Meningkatkan jumlah serta tempoh liabiliti luar jangka (<i>Contingent Liability</i>)	1	5	5	1	4	3.75	4	SEDERHANA	
SID												

STRATEGI 3: MEMANTAPKAN PENGURUSAN PINJAMAN KERAJAAN AGAR LEBIH CEKAP DAN BERKESAN												
KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
					(a) Manusia	(b) Reputasi	(c) Kewangan	(d) Operasi				
			4. Kemungkinan Nilai Kuantiti akan melebihi 25% serta menyukarkan Kerajaan untuk memberi jaminan baharu. Kerajaan juga perlu menyediakan pelan mitigasi di hadapan Dewan Rakyat selaras dengan Seksyen 24 Akta 850									

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
STRATEGI 3: MEMANTAPKAN PENGURUSAN PINJAMAN KERAJAAN AGAR LEBIH CEKAP DAN BERKESAN												
2.3.3	Pengurusan pinjaman kepada kumpulan sasaran	Berlaku pinjaman tidak berbayar (<i>non-performing loan-NPL</i>) oleh Institusi Kewangan (Perbankan dan Bukan Perbankan) Bagi Pembiayaan Perniagaan dan Skim Pembiayaan Perumahan (Skim-Skim) secara besar-besaran yang dijamin di bawah Seksyen 14 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] di bawah Skim-Skim yang disediakan melalui Institusi Kewangan	1. Kerajaan perlu menyediakan peruntukan tambahan bagi membuat bayaran ke atas NPL yang dijamin di bawah Skim-Skim 2. <i>Sovereign rating</i> menurun 3. Meningkatkan jumlah serta tempoh liabiliti luar jangka (<i>Contingent Liability</i>) 4. Kemungkinan Nilai Kuantiti akan melebihi 25% serta menyukarkan Kerajaan untuk memberi jaminan bahu. Kerajaan juga perlu menyediakan pelan mitigasi di hadapan Dewan Rakyat selaras dengan Seksyen 24 Akta 850	1	5	5	1	4	3.75	4	SEDERHANA	SID

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
STRATEGI 4: MEMPERTINGKATKAN PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN (BBP) DI BAWAH SELIAAN MOF												
2.4.1	Libat urus dan khidmat nasihat kewangan kepada BBP	BBP tidak mematuhi peraturan kewangan semasa dan tata kelola yang telah ditetapkan	1. BBP MOF tidak mendapat sijil audit bersih untuk penyata kewangan tahunan 2. Imej dan reputasi negatif kepada BBP dan Kerajaan	2	1	1	2	2	1.50	3	RENDAH	SBM

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
STRATEGI 5: MEMANTAPKAN PENGURUSAN ASET ALIH												
2.5.1	Pendaftaran aset alih ke dalam Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA)	Aset Kerajaan tidak didaftarkan ke dalam Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan seperti yang ditetapkan	1. Pelaporan maklumat aset alih Kerajaan Persekutuan yang tidak tepat 2. Pemantauan aset tidak dapat dilakukan bagi mengenalpasti aset yang perlu diselenggara, dilulus atau diganti 3. Punca kehilangan dan kerosakan pada aset alih tidak dapat dikenalpasti	1	2	4	4	2	3.00	3	RENDAH	PAM

TERAS STRATEGIK 3 - MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEWANGAN KE ARAH MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KETELUSAN PENGURUSAN KEWANGAN AWAM

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
STRATEGI 2: PENDIGITALAN PROSES PEROLEHAN KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN KECEKAPAN												
3.2.1	Penggunaan sistem ePerolehan (eP) dalam perolehan Kerajaan	Gangguan atas pengoperasian sistem eP	Sistem eP tidak dapat digunakan dengan maksimum	1	3	1	1	2	1.75	2	RENDAH	BPK

KOD RISIKO	PROGRAM	INSIDEN RISIKO	AKIBAT	KEBARANGKALIAN	IMPAK RISIKO				IMPAK (a+b+c+d) /n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO	BAHAGIAN
